PREVIEW MODE ENABLED

Exit preview Copy link

# Orang Asli: 128,548 dos vaksin COVID-19 sudah diberikan

Oleh Rafidah Mat Ruzki - September 13, 2021 @ 3:49pm
fidahruzki@bh.com.my




Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus bekerjasama dengan agensi strategik lain bagi mempercepatkan pemvaksinan di kawasan pedalaman.-Foto hiasan NSTP/Hazreen Mohamad




PUTRAJAYA: Sebanyak 128,548 dos vaksin COVID-19 sudah diberikan kepada masyarakat Orang Asli sehingga semalam, dalam usaha kerajaan melindungi mereka daripada wabak itu.

Timbalan Menteri I Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, berkata jumlah itu membabitkan masyarakat Orang Asli yang menerima satu dos, lengkap dua dos dan menerima satu dos vaksin jenis CanSino.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

3m Leipzig bukan tandingan Man City, PSG
4m Jalani ujian RTK setiap Isnin, Rabu
6m 'Usaha diharap redakan suhu politik'
13m Langkah tepat kembalikan 'pancing' rakyat
14m Kejayaan murid bukan diukur berapa A guru masa lalu
18m Pekerja binaan maut dihempap besi
24m Bicara hingga 11.30 pagi saja
26m Milan kembali dengan impian besar

[LANGSUNG] Mesyuarat Pert...

Beliau berkata, angka itu membabitkan sejumlah 80,884 atau 56.1 peratus masyarakat Orang Asli yang sudah menerima vaksin berbanding, 144,180 jumlah keseluruhan masyarakat Orang Asli yang layak divaksin di seluruh negara.

Katanya, tiga negeri mencatatkan kadar terendah vaksinasi dalam kalangan masyarakat Orang Asli iaitu Terengganu, Kelantan dan Johor dengan jumlah keseluruhan golongan itu yang belum menerima vaksin di ketiga-tiga negeri ini adalah seramai 16,127 individu.


## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Orang Asli di 9 penempatan terima vaksin mulai Ahad
- Vaksin CanSino untuk penduduk pulau, Sabah, Sarawak
- Kerajaan teruskan suntikan vaksin Orang Asli
- 3,534 Orang Asli di Pahang terima vaksin


"Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (CITF) bagi memastikan masyarakat Orang Asli diberi vaksinasi dengan segera.

"Keutamaan vaksinasi kepada masyarakat Orang Asli menerusi Program Jangkauan Luar (outreach) ini adalah menjadi komitmen KPLB dan JAKOA, memandangkan masyarakat ini tinggal di pedalaman serta mempunyai kesukaran perhubungan dan akses dari segi logistik untuk ke pusat vaksinasi yang disediakan oleh kerajaan di bandar atau pekan terdekat.

"Bagi jumlah negeri yang rendah ini, pihak KKM akan menggunakan vaksin jenis CanSino iaitu suntikan satu dos bagi mempercepatkan kadar vaksinasi dalam kalangan mereka memandangkan lokaliti masyarakat ini yang terletak di pedalaman," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Abdul Rahman berkata, kementerian itu akan terus bekerjasama dengan agensi strategik lain bagi mempercepatkan pemvaksinan di kawasan pedalaman.

Selain itu, beliau berkata, penggunaan secara optimum aset kerajaan seperti helikopter dan bot ke kawasan pedalaman terbabit diyakini mampu meningkatkan kadar vaksinasi bagi mencapai imuniti kelompok menjelang Oktober ini seperti yang dirancang oleh kerajaan.


## VAKSIN


EROP
Tiad
COV

PREVIEW MODE ENABLED
Exit preview
Copy link


EROP
Ketua kesihatan UK syor kanak-kanak 12-15 tahun divaksin


WILAYAH Sep 13, 2021 @ 3:27pm
Lebih 100 guru di Terengganu enggan divaksin


NASIONAL Sep 13, 2021 @ 11:16am
61,105 pekerja industri di Negeri Sembilan divaksin


NASIONAL Sep 12, 2021 @ 8:38pm
MOSTI perhebat program outreach vaksinasi - Dr Adham


NASIONAL Sep 11, 2021 @ 8:01pm
Lebih separuh penduduk dewasa Sabah lengkap vaksin COVID-19

## TRENDING


AMERIKA sejam yang lepas
Putera Andrew cabar bidang kuasa AS dalam saman seksual


BOLA Sep 13, 2021 @ 10:30pm
Pemain JDT didenda RM40,000 jika salah guna media sosial


LAIN-LAIN (SUKAN) Sep 13, 2021 @ 6:02pm
TMJ bukan hadiah Ford GT kepada Azizulhasni


LAIN-LAIN (SUKAN) Sep 12, 2021 @ 9:14pm
Hadiah TMJ kepada Azizulhasni cetus spekulasi

## MYRESIPI


RESIPI Sep 13, 2021 @ 3:05pm

[LANGSUNG] Mesyuarat Pert…




Cara Buat Tempe Homemade, Hanya Guna 3 Bahan

RESIPI Sep 10, 2021 @ 2:24pm

BH ONLINE

IKUTI KAMI DI:

PREVIEW MODE
ENABLED

Exit preview Copy link

Download on the App Store
GET IT ON Google Play
Download on the App Store
GET IT ON Google Play



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi

[LANGSUNG] Mesyuarat Pert…